Nama ............................................................................ Tingkatan ......................

ڤرسيدڠن ڤڠتوا دان مجليس ڤڠتوا
معهد كراجأن سكوله منڠه اوݢام (عرب) بنتوان
ياياسن إسلام كلنتن

**1103/1**
**Bahasa**
**Melayu**
**Kertas 1**
**Ogos**
**2011**
2 $\frac{1}{4}$ jam

# PEPERIKSAAN PERCUBAAN
# SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011

**BAHASA MELAYU**
Kertas 1

**TINGKATAN 5**
Dua jam lima belas minit

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian, iaitu* **Bahagian A** *dan* **Bahagian B.**
2. *Jawab soalan* **Bahagian A** *dan* **satu** *soalan daripada* **Bahagian B.**
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di atas kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan rumi atau jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak


**1103/1** © 2011 Hak Cipta Yayasan Islam Kelantan

**Bahagian A**

*[30 markah]*

(*Masa dicadangkan* : 45 *minit*)

*Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada jenis pengangkutan awam di Malaysia. Huraikan pendapat anda* **tentang faedah-faedah penggunaan sistem pengangkutan awam di Malaysia**. *Panjangnya huraian hendaklah* **antara 200 hingga 250 perkataan.**

SISTEM PENGANGKUTAN AWAM




Transit Aliran Ringan (LRT)- Selesa dan mengurangkan kesesakan lalu lintas



Feri- Menyeronokkan dan percutian



Kapal terbang- Cepat dan menjimatkan masa



Bas- Murah dan menjimatkan kos

**Bahagian B**

*[100 markah]*

(*Masa dicadangkan* : 1 *jam* 30 *minit*)

*Pilih* **satu** *daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya* **lebih daripada 350 patah perkataan.**

1. Kini laman sosial di alam siber sudah menjadi minat para remaja terutama pelajar sekolah.

   Sebagai pelajar, bagaimanakah cara anda menggunakan laman sosial untuk membantu pembelajaran?

2. Masyarakat kita masih lagi tidak mengutamakan kebersihan sama ada di rumah, di tempat kerja, premis perniagaan, tempat ibadat atau di tempat awam.

   Cadangkan usaha-usaha untuk memberi kesedaran kepada anggota masyarakat agar mereka mengutamakan kebersihan.

3. Keharmonian hidup dalam kalangan penduduk pelbagai kaum di Malaysia sangat penting untuk mewujudkan negara yang aman dan stabil.

   Jelaskan tanggungjawab yang patut dijalankan oleh setiap rakyat Malaysia untuk memupuk keharmonian hidup di negara kita.

4. Penganjuran sukan bertaraf antarabangsa dapat memupuk kerjasama serantau dan mendatangkan pelbagai kebaikan.

   Huraikan pendapat anda tentang pernyataan tersebut.

5. Peribahasa *belakang parang kalau diasah lagikan tajam* membawa maksud biar bodoh sekalipun seseorang itu tetapi jika ia berusaha bersungguh-sungguh nescaya akan pandai juga.

   Tulis sebuah cerpen berdasarkan maksud peribahasa tersebut.